

PELANCUNGAN DAN REKREASI DI PORT DICKSON

Latihan Ilmiah

oleh

CHIN SOI YOK

Bahagian Geografi

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang.

Februari 1985.

ISI KANDUNGAN

Kandungan:

Mukasurat:

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

1. PENDAHULUAN

1.10 Pelancungan di Malaysia	... 1
1.20 Kawasan Kajian	... 3
1.30 Tujuan Penyelidikan	... 4
1.40 Tinjauan Penulisan	... 6
1.50 Definasi Istilah dan Konsep	... 8
1.60 Jadual Penyelidikan	... 12
1.70 Metodologi	
1.71 Punca maklumat dan data-data sekondar	... 14
1.72 Pemilihan tempat kajian	... 14
1.73 Cara pengambilan sampel	... 16
1.74 Cara mendapat sampel	... 18
1.75 Kelemahan metodologi dan masalah yang dihadapi	... 18

2. TINJAUAN KAWASAN KAJIAN

2.10 Iklim dan Cuaca	... 21
2.20 Geomorfologi Pantai	... 23
2.30 Keadaan Alam Sekitar dan Air Laut	... 24
2.40 Sumber-sumber Pelancungan	... 25
2.50 Kemudahan-kemudahan yang Sedia Ada	... 27
2.60 Jenis Pelancung	... 31

3. CIRI-CIRI PELANCUNG	
3.10 Aliran Pelancung	... 34
3.20 Bilangan Pelawat Dalam Satu Rombongan	... 36
3.30 Hubungan Responden dalam Rombongan	... 38
3.40 Pengangkutan Yang Digunakan	... 39
3.50 Jumlah Lawatan	... 43
3.60 Tujuan Utama Berada di Port Dickson	... 45
3.70 Jangka Lawatan	... 50
3.80 Pendapatan Pelawat	... 53
4. PILIHAN PELAWAT DAN PANDANGAN MEREKA MENGENAI PORT DICKSON	
4.10 Pilihan Pelawat Ke Port Dickson	... 59
4.20 Pilihan Pelawat Ke Bahagian Pantai yang Berlainan	... 63
4.30 Kebersihan Pantai dan Air Laut	... 68
4.40 Kemudahan Awam dan Sosial	
4.41 Tempat mandi dan bilik penukaran pakaian	... 74
4.42 Gerai, restoran dan hotel	... 75
4.43 Tempat letak kenderaan	... 76
4.44 Tong sampah	... 77
5. PERTAMBAHAN SUMBER-SUMBER PELANCUNGAN DAN REKREASI DI PORT DICKSON.	
5.10 Pengenalan	... 79
5.20 Tindakan dan Usaha Kerajaan	
5.21 Membaiki dan menambah kemudahan-kemudahan	... 79
5.22 Mengawal kebersihan	... 81
5.23 Mengawal keselamatan orang ramai	... 83

5.30	Kerjasama dan Usaha Daripada Pihak Peniaga	... 83
5.40	Perkembangan Projek-projek Pembangunan	... 86
5.50	Usaha dan Kerjasama Pengguna Pantai	... 88
C.		
6.	KESIMPULAN DAN PENUTUP	
6.10	Port Dickson Sebagai Satu Tempat Felancungan Antarabangsa	... 92
6.20	Port Dickson Sebagai Satu Kawasan Rekreasi Tempatan	... 94
6.30	Penutup	... 95

Senarai Jadual, Gambarajah, Gambar foto dan Peta.

Lampiran.

Rujukan.

Penghargaan.

Latihan ilmiah ini telah melibatkan beberapa golongan orang di dalam dan di luar kampus Universiti Sains Malaysia.

Mula-mula, ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia projek ini, iaitu Dr. K.U. Sirinanda. Beliau telah banyak meruangkan masa untuk mengadakan perbincangan dengan penulis, di samping memberi bantuan dan panduan dalam menjayakan latihan ilmiah ini. Sekali lagi ribuan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada beliau. Tidak lupa juga penulis mengucapkan terima kasih kepada keritangan perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang telah membantu dalam mencari bahan-bahan rujukan untuk lapuran ini.

Penulis juga berterima kasih kepada Pegawai Perancang, Perbadanan Kemajuan Negeri Negeri Sembilan (PKNNS). Pegawai Daerah Port Dickson, pegawai dari Perbadanan Kemajuan Pelancungan dan Jabatan Keji Cuaca di atas pertolongan mereka dengan memberi data-data, maklumat-maklumat serta peta-peta yang diperlukan untuk projek ini.

Akhir sekali, kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung, penulis mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada mereka dalam menjayakan projek ini.

Abstrak.

Latihan ilmiah ini menghuraikan beberapa aspek yang berkenaan dengan pelancungan dan rekreasi di pantai Port Dickson, Negeri Sembilan. Tiga aspek telah diutamakan iaitu ciri-ciri pelancung, pilihan dan pandangan mereka mengenai Port Dickson serta cadangan pelawat untuk meninggikan daya penarik Port Dickson.

Kajian mengenai ciri-ciri pelancung Port Dickson menjadi aspek utama sekali. Antara ciri-ciri yang disentuh ialah pendapatan pelawat, jangka masa lawatan, bilangan pelawat dalam satu rombongan serta hubungan antara mereka. Aliran pelancung juga diketahui untuk mendapat satu gambaran mengenai jarak antara tempat tinggal pelancung dengan Port Dickson. Keputusan yang diperolehi mencerminkan Port Dickson lebih dikenali sebagai satu tempat rekreasi untuk orang-orang Malaysia khasnya mereka yang tinggal di Seremban, Melaka dan Kuala Lumpur. Lokasi pantai ini mengukuhkan lagi kesimpulan ini sebagai satu-satunya pantai yang menarik di bahagian tengah Pantai Barat Semenanjung Malaysia.

Aspek kedua dalam latihan ilmiah ini adalah berkenaan dengan pilihan pelawat dan pandangan mereka mengenai Port Dickson. Ada banyak sebab mengapa pelawat memilih Port Dickson berbanding dengan pantai-pantai lain dan kedudukan Port Dickson dekat dengan tempat tinggal

pelawat mendahului senarai sebab-sebab ini, dengan peratusan yang tinggi, iaitu 62.4 %. Minat pelawat dan kecenderungan mereka telah menghasilkan penggunaan pantai yang tidak sama padat di bahagian pantai yang berlainan. Sebab-sebab yang diperolehi untuk menerangkan keadaan di Port Dickson antara lain ialah kemudahan awam dan sosial yang disediakan dan kecantikan semulajadi pantainya. Keputusan kajian telah menunjukkan kepadatan penggunaan yang berlainan berkaitan rapat dengan tujuan utama seseorang itu mengunjungi Port Dickson.

Aspek yang ketiga adalah bersambit dengan keperluan dan cadangan pelawat-pelawat di Port Dickson untuk menambahkan lagi kecantikan pantai ini. Keperluan-keperluan asas seperti tempat mandi serta bilik penukarana pakaian sangat dialu-alukan oleh pelawat yang ditemuduga. Bagi meninggikan lagi nama baik Port Dickson, tiga pihak iaitu kerajaan, pihak peniaga dan pengguna pantai harus bekerjasama antara satu sama lain. Secara kasarnya, kerajaan boleh mengawal kebersihan pantai melalui Majlis Bandaran Port Dickson, sementara pengurus hotel dan peniaga patut menambahkan lagi kemudahan pelancungan dan rekreasi.

Latihan ilmiah ini diakhiri dengan kesimpulan bahawa Port Dickson lebih dikenali sebagai satu kawasan rekreasi tempatan, tetapi setelah meninjau potensi-potensinya, Port Dickson juga dapat diperkembangkan sehingga menjadi satu tempat pelancongan antarabangsa yang masyur.

Abstract.

This academic exercise examines a few aspects of tourism and recreation in Port Dickson, Negeri Sembilan. Three aspects are emphasized, namely the nature of tourists, their choices and views about Port Dickson, and tourists' suggestions towards increasing Port Dickson's attraction as a tourist spot.

The nature of tourist in Port Dickson is the main aspect of this research. Characteristics that are mentioned include income of visitors, length of visit, number of visitors in a group and their relationship. The pattern of flow of tourists is ascertained to get an idea about distance between the place of their origin and Port Dickson. The results show that Port Dickson is more a place for local recreation for residents staying in and around Seremban, Malacca and Kuala Lumpur. The location of Port Dickson further strengthens this characteristic because it is the only attractive beach along the West Coast of Peninsular Malaysia, close to population centers.

The second aspect of this report is on the choice of Port Dickson and the visitors' view of it as a tourist spot. There are many reasons as why visitors choose Port Dickson instead of other beaches; the location of Port Dickson close to the visitors' place of residence heads the list of reasons with a 62.4 percentage.

Interests of visitors and their preferences have resulted in different densities of concentration in different part of the beach. The reasons for this situation in Port Dickson are social preference and the availability of public facilities, natural scenic beauty of the beach. The findings show that differences in beach-use density are closely related to the main reason a person visits Port Dickson.

The third aspect is related to the needs of visitors in Port Dickson and their suggestions to increase it's attractiveness. Basic needs such as rooms for bathing and changing are most welcomed by visitors that are interviewed. To increase the popularity of Port Dickson, three parties that is, the government, private business sectors and the beach users should contribute their shares. Generally, the government can maintain the clean surroundings through the City Council of Port Dickson, while the private business sectors could increase the tourism and recreational facilities.

This academic exercise ends with conclusion that Port Dickson is better known as a local recreation center, but after viewing at it's potentials, Port Dickson can be developed into a well known international tourist resort.